

FENTANYL PATCH

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ *Fentanyl Patch* digunakan untuk melegakan kesakitan yang teruk yang dijangkakan akan berlarutan dan tidak dapat dirawat dengan ubat tahan sakit yang lain

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ia bertindak dengan mengurangkan isyarat rasa sakit di otak dan sistem saraf.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA

1. Bersihkan kawasan yang hendak ditampal *patch* dan keringkan. Jangan gunakan sabun, losyen, alkohol atau minyak.
2. Buka bungkusan *fentanyl patch*. Keluarkan *patch* dari bungkusan dan buang lapisan pelindung. Cuba jangan sentuh bahagian yang berpelekat.
3. Tampalkan *patch* dengan segera di bahagian dada atas, belakang atas atau lengan atas. Jangan tampal *patch* di bahagian kulit yang sensitif, terlalu berminyak atau luka. Kawasan berbulu hendaklah digunting rapat (tidak boleh cukur).
4. Tekan *patch* dengan tapak tangan selama 30 saat. Pastikan *patch* melekat dengan sempurna. Jika *patch* tidak melekat dengan baik, tampal *first aid tape* disekeliling *patch*. Jika masih tidak melekat, tutup *patch* dengan pelekat jernih seperti Tegaderm[®].
5. Jika *patch* tertanggal sebelum cukup 72 jam, tampal *patch* baru. Tukar setelah 72 jam.
6. Selepas selesai menampal *patch*, basuh tangan anda dengan segera.
7. Elakkan pendedahan *patch* kepada haba seperti selimut panas dan lain-lain.
8. Tukar *patch* setiap 72 jam. Tanggalkan *patch* yang lama dan tampal *patch* yang baru di tempat yang berbeza.
9. *Patch* yang telah ditanggalkan hendaklah dilipat bahagian berpelekat dan dibuang dalam manakuk tandas.



C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

B. JIKA TERLUPA

- ✚ Tampal sejurus selepas teringat. Jangan menambah dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Tukar selepas 72 jam.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.
- ✚ Buang ubat yang telah dibuka seperti diarahkan oleh doktor.

D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: iritasi)
- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

E. KESAN SAMPING UBAT

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Mual dan muntah-muntah,
 - Sembelit
 - Rasa mengantuk
 - Pening kepala

- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Denyutan jantung menjadi perlahan, pernafasan yang lemah (sehingga selepas beberapa hari menanggalkan patch)
 - Sakit dada atau berdebar-debar
 - Mengantuk yang melampau seperti hendak pitam

Rujukan:

- 1) <https://medlineplus.gov/druginfo/meds/a601202.html> (Accessed on 13/5/2019)
- 2) <https://www.rxlist.com/duragesic-drug/patient-images-side-effects.htm> (Accessed on 13/5/2019)
- 3) Sisipan ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

